

Kekasih mata duitan

Diri ditinggalkan walaupun sudah beri apa saja demi sayang

menyimpan wang. Bagi saya, A tidak matang dan tidak berfikir panjang. Saya takut A menjadi mangsa nafsu lelaki itu.

Saya tidak sanggup melepaskan A kerana rasa bertanggungjawab atas dosa yang kami lakukan itu dan sangat menyayanginya. Hubungan kami berharga sekali kerana banyak pengorbanan sudah saya lakukan.

muncul dari syurga tanpa topeng dan tanpa dicari.”

Jika A benar-benar mencintai diri adik, dia tidak akan melakukan sesuatu yang boleh melukai hati dan perasaan, apatah lagi meninggalkan adik pada waktu sangat memerlukan kehadirannya.

Cinta juga bukan berkaitan dengan kemewahan dan rupa paras. Walaupun peranan wang dalam kehidupan adalah penting tapi ia bukan penentu dalam percintaan.

Cinta adalah pengorbanan, bukan berlandaskan nafsu. Ibarat kata cinta yang berbunyi: “Nafsu hanya akan memberikan kebahagiaan sesaat tapi cinta yang tulus dan sejati akan memberikan kebahagiaan selamanya.”

Janji anda untuk membahagiakan A walaupun bertujuan meyakinkan dan membuktikan dalamnya cinta kepada A boleh memakan diri. Contohnya, apakah akan berlaku jika adik tidak dapat menunaikan janji itu?

Ahli psikologi ada mengatakan, setiap individu bertanggungjawab atas dirinya sendiri. Justeru, apa yang dilakukan oleh A

menjadi tanggungjawabnya sendiri sama ada matang atau tidak tindakannya, A perlu bertanggungjawab atas tindakannya itu.

Tugas dan peranan adik ialah memberi nasihat dan bimbingan. Terpulang kepada A sama ada untuk menerima atau tidak nasihat itu.

Rasa bertanggungjawab anda sememangnya dipuji. Namun, perlu juga bersifat realistik dalam situasi ini.

Persoalan sama ada A sudi menerima pengorbanan adik amat penting untuk merealisasikan tanggungjawab yang diinginkan.

Dr merasakan jika adik benar-benar mencintai A, adakalanya pengorbanan itu perlu. Doakan kebahagiaannya kerana cinta tidak harus saling memiliki, kadangkala harus dilepaskan kerana cinta sejati selalu ingin membahagiakan orang dicintai.

Seterusnya, walau apapun masalah yang mengiringi perjalanan cinta adik, Dr doakan agar dapat menghadapi dengan fikiran terbuka. Semoga adik dapat memberikan penyelesaian terbaik terhadap setiap langkah ditempuhi.

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@hmetro.com.my

? Saya berusia 27 tahun dan sudah bekerja. Saya bercinta dengan seorang pelajar berusia 19 tahun yang saya namakan sebagai A.

A mempunyai rupa paras yang cantik sedangkan saya kurang dari sudut itu. Hubungan kami sudah setahun setengah.

Sepanjang tempoh itu hubungan kami bahagia seperti pasangan lain juga, namun kami sudah terlanjur.

Dia berasal daripada keluarga susah yang dahagakan kemewahan. Atas alasan itu juga dia sanggup tinggalkan saya kerana terpedaya umpanan wang

ringgit lelaki yang ada rupa tapi hanya mat motor dan bekerja kilang.

Saya juga sudah memberitahu lelaki itu mengenai keterlanjuran kami. Tujuan saya supaya dia menghormati dan meninggalkan A.

Namun berlaku sebaliknya, malah dia dengan angkuhnya memberitahu tetap ingin bersama A.

Saya kesal dengan sikap A kerana saya sudah memberikan segala-galanya,

namun dia masih tidak berpuas hati.

A juga pernah berkata, dia memang mementingkan harta kerana dia tidak mahu hidup susah seperti keluarganya.

Saya faham cinta A cinta kerana duit dan saya juga sudah yakinkan A bahawa saya mampu memberi dia segala kesenangan.

Malangnya A tetap juga mahu berpisah kerana tidak percaya saya mampu memberi kesenangan kepadanya.

Hal ini kerana A melihat kehidupan dan gaya hidup saya yang pada anggapan-nya serba kekurangan.

Sebenarnya, saya bukan jenis suka bergaya lebih kerana saya lebih memikirkan masa depan dan

Tak pandai urus kewangan

? Saya menghadapi masalah kewangan. Walaupun sudah sembilan tahun bekerja, saya belum dapat dan sukar untuk merancang perbelanjaan dengan baik.

Malah, setiap bulan wang gaji saya pasti habis sebelum akhir bulan. Saya juga masih tinggal bersama dengan keluarga.

Walaupun tinggal dengan keluarga, wang gaji tetap habis setiap bulan. Saya akui sentiasa bersikap boros. Bagaimana agaknya saya harus merancang kewangan dengan baik?

! Satu langkah positif ke arah pengurusan kewangan yang baik ialah kesedaran untuk merancang perbelanjaan harian adik.

Dr akui bukan sesuatu yang mudah untuk beralih daripada sikap pemboros kepada seorang yang pandai mengurus perbelanjaan harian.

Adik boleh bermula dengan menabung sedikit lebih perbelanjaan hidup. Menabung sedikit demi sedikit adalah lebih baik bermula dengan jumlah simpanan yang sedikit daripada

langsung tidak menyimpan.

Adik perlu membuat catatan perbelanjaan harian dan membeli mengikut keutamaan, bukannya nafsu. Malah, boleh juga meminta ahli keluarga untuk menegur setiap kali melihat adik membeli barang tidak diperlukan.

Adik juga boleh merujuk kepada buku dan bahan bacaan mengenai pengurusan kewangan di laman web.

Dr harap adik mampu mengurus kewangan dengan baik dan ia perlu dimulai dengan matlamat yang jelas.

FAKTA
Menabung sedikit demi sedikit adalah lebih baik daripada langsung tidak menyimpan